



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

KENYATAAN MEDIA

**INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN,
MALAYSIA FEBRUARI 2026**

**Indeks Harga Pengeluar Malaysia turun 3.4 peratus pada
Februari 2026**

PUTRAJAYA, 27 MAC, 2026 – Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia turun 3.4 peratus pada Februari 2026, selepas penurunan 2.9 peratus pada bulan sebelumnya. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terkini **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, FEBRUARI 2026** yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menekankan prestasi mengikut sektor pada Februari 2026, "Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan menurun 8.7 peratus (Januari 2025: -8.3%), dipengaruhi oleh penurunan sebanyak 15.1 peratus dalam indeks Penanaman tanaman kekal. Sektor Perlombongan terus merosot 8.5 peratus (Januari 2026: -11.7%), didorong oleh penurunan dalam indeks Pengekstrakan gas asli (-14.2%) dan Pengekstrakan petroleum mentah (-6.4%). Sektor Pembuatan juga menurun 2.7 peratus (Januari 2026: -1.7%), terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-10.6%) serta Pembuatan produk makanan (-5.2%). Sebaliknya, indeks Bekalan air meningkat 11.9 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik & gas naik sebanyak 4.7 peratus."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin seterusnya menjelaskan, "Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan turun perlahan 0.5 peratus, selepas peningkatan 0.1 peratus pada Januari 2026. Sektor Pembuatan turun 0.8 peratus (Januari 2026: -0.2%), dipengaruhi oleh penurunan dalam indeks Pembuatan kok dan produk petroleum bertapis (-4.2%) dan Pembuatan produk makanan (-0.7%). Indeks Bekalan air turun 0.3 peratus, manakala indeks Bekalan elektrik & gas turun 0.1 peratus. Sementara itu, sektor Perlombongan mencatatkan peningkatan 0.4 peratus (Januari 2026: 1.9%), disokong oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (2.7%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan juga

meningkat 1.0 peratus (Januari 2026: 0.3%), dengan indeks Penanaman tanaman kekal mencatatkan peningkatan 1.1 peratus.”

Mengulas lanjut mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Ketua Perangkawan menjelaskan, “Semua peringkat pemprosesan terus mencatatkan perubahan tahunan negatif pada Februari 2026. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun sebanyak 7.0 peratus (Januari 2026: -7.5%), disebabkan oleh penurunan dalam Bahan bukan makanan (-9.5%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen menguncup 3.1 peratus (Januari 2026: -2.3%), dipengaruhi oleh penurunan dalam Bahan api yang diproses & pelincir (-9.3%). Sementara itu, indeks Barang siap menurun 1.1 peratus (Januari 2026: -0.6%), disebabkan oleh Kelengkapan modal (-2.3%).”

Pada asas bulan ke bulan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat sebanyak 0.7 peratus. Sebaliknya, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen dan Barang siap masing-masing menurun sebanyak 1.0 peratus dan 0.3 peratus pada Februari 2026.

Perbandingan antara beberapa ekonomi terpilih menunjukkan pelbagai trend bagi harga pengeluaran pada Februari 2026. Jepun merekodkan peningkatan IHPR sebanyak 2.0 peratus tahun ke tahun, perlahan berbanding 2.3 peratus pada bulan sebelumnya. Sebaliknya, P.R. China kekal dalam deflasi pengeluaran, dengan IHPR menurun 0.9 peratus, berbanding penurunan 1.4 peratus pada bulan sebelumnya, menandakan bulan ke-41 berturut-turut penurunan. IHPR Thailand juga turun 0.5 peratus, selepas penurunan 1.6 peratus pada bulan sebelumnya. Ini menandakan dua belas bulan berturut-turut inflasi pengeluaran tahunan negatif, satu trend yang sama dengan Malaysia.

Melihat kepada harga komoditi terpilih Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menambah, “Menurut Bank Dunia, purata harga minyak mentah Brent pada Februari 2026 adalah USD 71.11 setong, meningkat daripada USD 66.77 setong pada bulan sebelumnya. Peningkatan ini didorong oleh keadaan pasaran yang menggalakkan serta risiko geopolitik yang menyokong harga pada bulan ini. Namun, perbandingan tahun ke tahun, harga minyak mentah Brent adalah lebih rendah berbanding USD 75.16 setong pada Februari 2025. Sementara itu, harga tandan buah segar dan minyak sawit mentah (MSM) Malaysia mencatatkan peningkatan pada Februari 2026. Data daripada Lembaga Minyak Sawit Malaysia menunjukkan purata harga MSM meningkat kepada RM 4,077.50 satu tan, berbanding RM 4,018.50 satu tan pada Januari 2026. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh paras inventori minyak sawit yang lebih tinggi sepanjang bulan tersebut, sekali gus merupakan kenaikan harga pertama sejak November 2025.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk

mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)





Sumber: Laman web rasmi National Statistical Offices (NSOs) terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
27 MAC 2026**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA FEBRUARY 2026

Malaysia's Producer Prices Index contracted by 3.4 per cent in February 2026

PUTRAJAYA, MARCH 27, 2026 – Malaysia's Producer Price Index (PPI) contracted by 3.4 per cent in February 2026, following a 2.9 per cent decrease in the previous month. This was reported in the latest monthly report of **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, FEBRUARY 2026**, published by the Department of Statistics Malaysia.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, highlighted the performance across sectors in February 2026, "The Agriculture, forestry & fishing sector decreased by 8.7 per cent (January 2025: -8.3%), affected by a 15.1 per cent decrease in the Growing of perennial crops index. The Mining sector continued to decline by 8.5 per cent (January 2026: -11.7%), weighed down by Extraction of natural gas (-14.2%) and Extraction of crude petroleum (-6.4%) indices. The Manufacturing sector also decreased by 2.7 per cent (January 2026: -1.7), primarily affected by the declines in Manufacture of coke & refined petroleum products (-10.6%) and Manufacture of food products (-5.2%) indices. In contrast, the Water supply index increased by 11.9 per cent, while the Electricity & gas supply index went up by 4.7 per cent."

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin further explained, "On a month-on-month basis, the PPI Local Production marginally decreased by 0.5 per cent, after an increase of 0.1 per cent in January 2026. The Manufacturing sector declined by 0.8 per cent (January 2026: -0.2%), due to Manufacture of coke & refined petroleum products (-4.2%) and Manufacture of food products (-0.7%) indices. The Water supply index edged down by 0.3 per cent, while the Electricity & gas supply index inched down by 0.1 per cent. Meanwhile, the Mining sector recorded a slower increase of 0.4 per cent (January 2026: 1.9%), driven by Extraction of crude petroleum (2.7%) index. The Agriculture, forestry & fishing sector also went up by 1.0 per cent (January 2026: 0.3%) supported by Growing of perennial crops (1.1%) index."

Elaborating further on the PPI Local Production by stage of processing, the Chief Statistician Malaysia, explained, “All stages of processing continued to record negative year-on-year changes in February 2026. The Crude materials for further processing index decreased by 7.0 per cent (January 2026: -7.5%), due to the decline in Non-food materials (-9.5%). The Intermediate materials, supplies & components index contracted by 3.1 per cent (January 2026: -2.3%), weighed down by Processed fuel & lubricants (-9.3%). The Finished goods index decreased by 1.1 per cent (January 2026: -0.6%), affected by the decline in Capital equipment (-2.3%).”

On a month-on-month basis, the Crude materials for further processing index increased by 0.7 per cent. In contrast, the Intermediate materials, supplies & components and Finished goods index declined by 1.0 per cent and 0.3 per cent in February 2026, respectively.

A comparison across selected economies indicated mixed trends in producer prices in February 2026. Japan recorded a 2.0 per cent year-on-year increase in PPI, slightly moderating from 2.3 per cent in the previous month. In contrast, P.R. China remained in producer deflation, with its PPI declining by 0.9 per cent, easing from a decline of 1.4 per cent in February 2026, marking the 41st consecutive month of decline. Similarly, Thailand's PPI declined by 0.5 per cent, after decreasing by 1.6 per cent in the previous month. This represented the twelfth straight month of year-on-year negative producer inflation, a similar trend in Malaysia.

Looking at selected Malaysian commodity prices, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin added, “According to the World Bank, the average Brent crude oil price in February 2026 stood at USD 71.11 per barrel, rising from USD 66.77 per barrel in the previous month. The increase was driven by favourable market conditions and geopolitical risks, which supported prices in this month. However, on a year-on-year basis, prices were slightly lower than USD 75.16 per barrel in February 2025. Meanwhile, Malaysia's oil palm fresh fruit bunches and crude palm oil (CPO) prices recorded increases in February 2026. Data from the Malaysian Palm Oil Board showed that the average price of CPO increased to RM 4,077.50 per tonne, from RM 4,018.50 per tonne in January 2026. The increase was mainly attributed to higher palm oil inventories during the month, marked the first price increase since November 2025.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch

(ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia




Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia




Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia






Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
27 MARCH 2026